

23/10/1999

Penulis abad ke-21 mesti lebih peka keadaan dunia

Dr Zainal Kling

BAGAIMANA pegangan dan sikap kita sebagai pencipta karya serta watak manusia? Apakala kita memegang pena atau mengetik kekunci komputer di meja mahupun di bangku untuk menganalisis fenomena manusia, mencipta watak, peribadi dan menghasilkan karya - apakah yang harus berkisar di mata dan di kepala kita tentang manusia?

Saya sekadar menyarankan, bukan menentukan pegangan itu. Pada akhirnya, keutamaan kita ialah tanggapan serta keyakinan terhadap watak dan peribadi manusia yang bergerak serta bertindak sebagai agency di dalam jalinan karya kita.

Pada saat pengkaryaan itu, kita juga adalah "pencipta" yang menghidup dan mematikan watak yang sedang berlegar di dalam kepala kita.

Kita seorang penentu akan status peristiwa yang bakal didukung seagungnya atau dihentam penyet hingga ranap.

Di tangan kita adalah suatu kuasa kehidupan yang bakal mencipta acuan dan ikutan nilai dan norma bagi sekian banyak penikmat sastera. Karya kita adalah suatu kerangka pemikiran bakal mengeras dan membeku sebagai paradigma dan muatan fikiran pembaca serta penelaahnya.

Karya dalam segala bentuknya adalah mikrokosme kehidupan yang menghidup dan mematikan; ia menjadi institusi sosial yang mendidik serta mensosialisasi masyarakatnya untuk mencapai suatu paradigma minda dan mental.

Justeru itu, karya sastera secara tradisi amatlah sakral dan mulia; hanya Tuhan yang tahu.

Dunia hari ini menuntut sikap global - sikap berpandangan luas dan berilmu. Setiap yang kita hasil atau lakukan adalah berkesan di sekitaran kita dan di seluruh dunia. Kini adalah dunia informasi dan komunikasi. Ilmu tidak lagi bersifat "pengkhususan" yang amat sempit tetapi mendalam. Ia adalah pengetahuan keseluruhan yang amat meluas.

Manusia harus terdidik dengan multi skill untuk dapat berfungsi dan survive dalam pelbagai suasana dan keadaan. Untuk itu manusia ditanggap membawa watak penguasa akan nasibnya, bukan mangsa sebarang sistem.

Sistem seharusnya merupakan suatu hasil yang terjadi daripada tindakan manusia, bukan prawujud yang memasung atau memaksa manusia. Dengan itu manusialah pusat dan penentu bagi semua kejadian dan fenomena dunia. Manusialah pemancar dari segala gerak. Manusia adalah segala agensinya yang berkuasa di dalam struktur kemasyarakatan.

Apakala kita bercakap seperti ini, ini bukan sesuatu yang angkuh. Allah menjadikan manusia sebagai khalifah untuk mensejahterakan bumi. Manusia harus menyedari tanggungjawabnya yang berat dan besar. Tugas dan amanah ini tidak dapat dilepaskan kepada kudrat dan iradat Tuhan kerana kita sudah diamanahkan sebagai khalifah dengan kuasa akal yang tidak disanggupi oleh gunung, pohon, atau apa sahaja makhluk lain. Maka amanah itu menuntut tanggungjawab dan pengertian.

Manusia adalah penentu segalanya. Sikap dan tanggapan penulis harus memberi sepenuh kesempatan dan upaya kepada keagungan ikhtiar manusia dan ketuhan wataknnya.

Manusia juga harus ditabalkan pada takhta "kemuliaan manusia"- human dignity - karamah insaniah - iaitu manusia tidak harus tergugat dan terancam oleh sebarang kelakuan, buatan dan tindakan manusia sendiri. Mesti ada pembelaan terhadap penindasan antara manusia sendiri kerana ia dicipta untuk menjadi "khalifah" bukan "hamba" sesama manusia. Kemuliaan

manusia inilah yang mesti dipertahankan melalui proses adil dan maruah.

Kita seharusnya memahami implikasi tugas dan fungsi "khalifah di muka bumi" dengan erti manusia diamanahkan bagi memakmurkan dunia dan berkuasa lebih daripada segala makhluk dan kejadian.

Manusia harus menentukan nasibnya dengan menunda seluas mungkin ufuk qada' dan qadar yang tidak diketahui batasan dan tepinya.

Peribadi manusia mesti berupaya meneroka seluas alam, dari sedalam alam psikik yang amat peribadi dan ajaib hingga kepada alam jagat di angkasa lepas yang berjuta tahun cahaya jaraknya.

Tidak harus ada lagi gelagat manusia bertindak secara mekanikal - ex mechina - dalam membuat keputusan tetapi atas daya dan upaya yang lebih banyak kemungkinan pilihan dan ikhtiar.

Dalam novel, misalnya, wanita tidak harus sentiasa tunduk sebagai mangsa dan lelaki tidak harus tegak semata sebagai pemangsa dan penguasa.

Manusia, lelaki dan wanita, adalah setara dan seupaya kekuatan dan pembawaan biologi masing-masing, maka sesekala hal itu berlaku memungkinkan masing-masing menjadi mangsa dan pemangsa antara satu sama lain.

Begitu juga kerangka hidup bukan semata-mata suatu dialektika, pergolakan dan perjuangan antara pihak bersengketa tanpa henti, meskipun keadaan ini adalah ciri nyata dalam kehidupan serta amat mempesona sebagai bahan karya.

Kehidupan bukan tanggapan pergolakan serta revolusi abadi dengan dialektika menjadi motivasi otomatis serta gerak sendiri dalam kejadian sistem masyarakat. Namun dalam pergolakan abadi struktur masyarakat ini, individu sering menjadi mangsa dari sistem yang amat berkuasa dan tidak memberi tempat kepada ikhtiar atau option kepada tindakan dan pilihan individu manusia untuk merubah nasib.

Masyarakat adalah segalanya dan individu adalah unit terkecil dari sistem sosial itu, seperti Hang Tuah hanya unit kecil dari sistem feudal zamannya dan dia patuh kepada aturannya. Sikap struktural yang amat ketat dan berkuasa ini tidak lagi wajar dalam dunia kini, yang individu manusia bebas membuat pelbagai keputusan serta pilihan dan merencanakan perjalanan hidupnya.

Masyarakat juga digerakkan oleh motivasi kerjasama dan keberfungsian menyeluruh demi kelangsungan hidup semua anggotanya. Justeru, nilai yang dipegang setiap individu merupakan motivasi utama pada kelakuannya.

Memang manusia sentiasa bertindak ke arah self-preservation serta mempertahankan wujudnya dalam rangka kebersamaan serta kesalingan wujud antara anggota masyarakat. Namun individu juga tidak terkekang oleh sistem sosialnya. Cukup banyak kesempatan untuk individu melaksanakan pilihan sendiri sehingga ke hujung logiknya. Hanya kepentingan hidup bersama dalam pembahagian tugas serta ketrampilan yang mengikat manusia secara organik. Kebersamaan dan kesalingan ini sentiasa merupakan wajah fungsionalisme dalam kehidupan manusia dan jalinan perwatakan suatu karya.

Yang ingin ditegaskan ialah bagi penulis dunia global dalam abad 21, harus melapangkan bidang pergerakannya sehingga ia dapat menggunakan daya upaya otak dan pemikiran untuk membuat interpretasi terhadap segala macam hal dan peristiwa terutama dalam konteks pasca modenisme.

Kita harus memberdayakan manusia Melayu sebagai watak kental dan berani. Di situlah munculnya manusia gigih dan perkasa menghadapi cabaran dunia alaf baru di abad 21.

Selaras dengan pemberdayaan watak ini ialah wujudnya usaha mentafsir dalam ilmu terkini yang amat interpretative. Sikap keilmuan itu melihat subjek lebih utama dari objek atau teks yang terhasil.

Meskipun ada gagasan the death of the author, namun penulis itu adalah manusia penghasil yang lebih berkuasa ke atas karya dan mesti diberi

tempat yang lebih dalam rangka pemikiran global. Manusia adalah kewujudan hakiki di atas keperibadiannya sendiri dalam suasana alam yang dibangun sendiri serta sejarah yang dibentuknya.

Di atas prinsip pemberdayaan manusia sejagat, maka jika Barat membangun dan mengabsahkan kewujudan mereka dalam konteks global, di mana pusat metropolitan serta filsafat kehidupan mereka ditetapkan sebagai paksi universal untuk imposisi keluar wilayahnya maka metodologi demikian adalah tidak wajar kerana kita dengan budaya kita ada hak untuk membangun sorotan sendiri terhadap sebarang hal.

Yang berkuasa di dunia seharusnya bukan keadaan dan suasana unipolar - gerakan yang keras dan deras dipaksakan ke atas seluruh dunia - tetapi mestilah multipolar yang memberi taraf sama rata kepada semua pihak.

Hubungan antara polar tidak harus berbentuk dependence tetapi mestilah interdependence.

Penulis abad ke-21 wajib peka terhadap keadaan ini dan perlu membentuk penulisan yang tajam mempersoal serta mentafsir gelagat luaran serta mendedahkan niat terselindung Barat yang amat ingin mendominasi.

Dunia global kini dengan rangkaian sistem/institusi MNCs, TNCs, komunikasi, telekomunikasi dan pengangkutan yang mengecutkan ruang serta masa dalam julat time-space compression, ternyata terlampau memungkinkan berlakunya penguasaan totalizing (penjajahan) dengan meluluhkan identiti masyarakat lokal ke dalam identiti kuasa sejagat Barat yang sebenarnya sudah mendefinisi serta menetapkan bentuk kehidupan dunia melalui pelbagai institusi global seperti IMF, Bank Dunia, WTO dan sebagainya.

Kini kuasa terkuat di Barat dengan mudah melemahkan kuasa politik dan wibawa pemerintahan setiap negara bangsa lain. Buat masa sekarang kuasa terkuat itu ialah Amerika Syarikat yang cuba memasukkan incorporate setiap rantau dan wilayah dunia ke dalam wilayah pengaruh serta lingkungan hegemoninya.

Maka terjadilah suatu penjajahan baru neocolonial tanpa penaklukan tempat - place - tetapi penaklukan ruang - space dari jarak jauh dan secara maya - virtual.

Pada saat ini tidak ada satu pun sistem sosial yang lebih unggul dari kapitalisme Barat. Pasaran terbuka dan perdagangan bebas menjadi medan penguasaan kehidupan manusia lain dan mekanisme itu adalah satu-satunya yang berkuasa.

Kapitalisme sajalah yang kini menjadi wahana untuk memuaskan segala macam kehendak dan keinginan - dari yang paling rendah kepada pengeluaran yang paling canggih. Sebarang penandingnya, dari abad ke-19 hingga 20 seperti fascisme, Sosialis dan komunis telah gagal, luput dan lumpuh.

Kapitalisme dan demokrasi kini wujud dalam suatu zaman yang cukup unik, yang tidak ada sebarang penanding kuat untuk menentukan nasib manusia. Zaman ini dinamakan "berakhirnya sejarah" kerana tidak ada kuasa tentera yang dapat mengancam kuasa besar kapitalis-demokrasi. Tidak ada yang akan mengancam Amerika Syarikat. Semua pencabar telah undur.

Segala bentuk ideologi lain pupus. Kapitalisme sahaja yang tegak berdiri.

Hakikat inilah mesti difahami benar-benar. Hegemoninya mendorong kemunculan gerakan pasca modern untuk memberikan sedikit tentangan ideologi, memaparkan ketidakpuasan hati, memprotes akan keterlampauan kuasanya, merintang halangan kecil, yang tidak terlalu berkesan dan cuba mengubah kekuasaan "pusat" dengan memperpusat kedudukan yang dipinggir.

Di Malaysia, kita sedang memerhati usaha mencabar gelagat pusat kapitalisme yang amat gagah ini - bagai David dan Goliath. Kita meliar dari prinsip pasaran bebas dengan mengenakan kawalan nilai mata wang maka kita dianggap sebagai "anak jahat" yang menderhaka terhadap prinsip mulia kebebasan (pasaran). Kita dicap bodoh dan mundur meskipun daya global

pasti memusnahkan kita dan akan menyedut daya saing sehingga lumpuh dalam kehancuran sosial serta politik.

Justeru, s ebarang penentang akan dipersetan - demonise. Sebaliknya penyokong akan dianakemaskan lionise terutama para pimpinan termasuk di Malaysia.

Mereka yang sudi bermanja dengan kuasa besar dan kapitalisme Washington itu, akan menikmati wibawa globalisasi di sisi Washington. Mereka akan dilayan mesra dalam belunggu pengabdian Barat. Inilah wajah penjajahan baru. Penjajahan sebenarnya tidak pernah berakhir. Hakikat dan praktik hegemoni dunia Barat masih menjadi segala punca peperangan dan pergolakan.

Maka dalam kelemahan hegemoni dan dominasi Barat inilah bersarang gerakan penentangan seperti "pasca kolonial" yang sedang berlaku dalam pelbagai bidang ilmu dan pertubuhan sivil di seluruh dunia. Personifikasi penentangan ialah kelantangan dan tindakan recalcitrance Dr. Mahathir berhadapan IMF-Bank Dunia dan Barat.

Sehubungan itu, penulis abad 21 mestilah menjadi manusia gigih, trampil, bijaksana dan berbudi mulia untuk dapat memahami dan menghadapi keangkuhan dan kemaharajalelaan dunia Barat.

Kita harus berupaya mendedahkan penaklukan budaya dan mental manusia lain dan kuat mendokong identiti diri sesuai dengan gagasan kita sebagai 'khalifah' di muka bumi untuk bersama memakmurkan bumi.

Kita bertanggungjawab memelihara kemuliaan manusia secara nyata atau sebagai perwatakan dalam karya membela manusia dari penindasan dan menangkis fitnah atau kerosakan bumi dari sebarang kerakusan.

Penulis abad 21 - dikau manusia global dalam tinjakan tradisi setempat. Di mana-mana bumi dipijak dan di mana-mana langit dijunjung. Peganganmu adalah empirisisme-humanisme dan bukan realisme-magis.

Adalah menjadi tugas dan fungsi penulis muda untuk benar-benar memahami arus agung gerakan pemikiran yang sedang bertarung ini kerana akhirnya kita adalah bahagian dari gelombang agung itu. Sama ada kita selamat atau hanyut melayari arus global ini bergantung kepada sejauh mana kita berdaya dan berupaya menjadikannya wahana dan bahtera kepada wujud dan kelangsungan kita.

* Rencana ini adalah Syarahan Za'ba yang disampaikan oleh Profesor Datuk Dr Zainal Kling di DBP baru-baru ini.

(END)